

KELUWESAN, JATI DIRI, DAN AKTIVITI PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU

Dr. Hajah Dayang Fatimah binti Haji Awang Chuchu
Negara Brunei Darussalam

Pengayaan leksikon bahasa Melayu secara terancang akan mendukung upaya pemberdayaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Inisiatif berterusan ini membolehkan bahasa Melayu menjadi bahasa komunikasi yang dinamik. Bahasa yang dinamik bukan sahaja memiliki ciri keluwesan baik dari segi leksikon bahkan juga aspek morfosintaksis. Contohnya, perkataan *asimilasi* dari *assimilation* dalam bahasa Inggeris, bukan sekadar disesuaikan dari segi penyebutan, bahkan juga representasi semantik istilah tersebut dibakukan mengikut kontekstual penggunaannya, contohnya ‘mengasimilasi’, ‘mengasimilasikan’, ‘terasimilasi’ dan ‘pengasimilasi’. Proses ini menjadikan bahasa Melayu luwes, dan keluwesan bahasa Melayu tersebut tidak pula menjejaskan jati diri bahasa Melayu dan masyarakatnya.

Pendahuluan

Ilmu adalah faktor dan menjadi kekuatan asas kepada sesuatu bangsa dan tamadun atau peradaban. Kekuatan ekonomi, keagamaan, perpaduan, dan kebahasaan terhasil daripada ilmu. Ilmu yang luas dan mendalam akan dapat memantapkan kekuatan sesuatu domain kehidupan yang menunjangi sesuatu peradaban bangsa. Malah dari perspektif Islam umpamanya, ilmu adalah asas kepada iman atau agama untuk pengukuhan peribadi, kesejahteraan manusia dan alam (Wan Mohd Nor Wan Daud 2011). Ini sesuai dengan firman Allah swt dalam Surah al-Fatir (35):28 yang bermaksud:

‘Hanya orang yang berilmu yang berupaya mentaati Allah dengan sebaik-baiknya’

Kedudukan istimewa seseorang individu di dunia ini adalah terletak pada kelebihannya dalam ilmu pengetahuan. Menurut Paul Keneddy dalam buku beliau *‘The Rise and Fall of the Great Powers: Economic Change and Military Conflict 1500-2000’* (1989), disimpulkan bahawa kejatuhan kuasa-kuasa besar adalah disebabkan oleh kelemahan sikap terhadap ilmu dan budaya ilmu. Dari itu betapa pentingnya ilmu itu untuk dijadikan sebagai budaya dalam rutin kehidupan harian. Ilmu tercakup dalam pelbagai disiplin atau bidang seperti sains dan teknologi, sains sosial, perubatan, perundangan, perniagaan dan sebagainya. Ilmu ini seharusnya disebarluaskan, dibudaya, dan dipertingkatkan. Bagaimana kita hendak mentransformasi ilmu atau budaya ilmu?

Kegiatan atau usaha mentransformasi ilmu setentunya melibatkan bahasa. Ini kerana bahasa sama ada verbal ataupun bukan verbal adalah wahana komunikasi yang sangat signifikan dalam memifestasi budaya, intelektual dan pengalaman dunia sesuatu bangsa. Kedua-duanya berkembang sejajar dalam minda sesuatu masyarakat penuturnya seperti kata Levi-Strauss (1963):

...there should be some kind of relationship between language and culture, because language has taken thousands of years to develop and culture has taken thousands of years to develop and both processes have been taking place side by side within the same minds'.

Bahasa adalah alat untuk mengkaji budaya seperti kata Duranti (1997):

'Language is a tool used to study culture'

Ini menunjukkan bahawa sesuatu bahasa yang dimiliki itu merupakan lambang jati diri sesuatu masyarakat atau bangsa penuturnya. Bahasa yang paling sesuai untuk mentransformasi ilmu ialah bahasa tinggi, iaitu bahasa yang mempunyai peranan sosial yang dominan dan berprestij: seperti bahasa yang dimartabatkan sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa ilmu, dan bahasa perhubungan antarabangsa. Istilah bahasa tinggi ini diperkenalkan oleh Charles Ferguson (1952) dalam membicarakan tentang diglosia (Fatimah dan Soepomo 1995). Dalam konteks perbincangan ini, bahasa yang dimaksudkan ialah bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu untuk menjadikan bangsa ini berilmu dan mentransformasi ilmu adalah sangat signifikan dan relevan. Sebagai bahasa ilmu, dalam konteks pendidikan, bahasa Melayu dipraktikkan penggunaannya dari peringkat rendah hingga universiti. Meskipun Negara Brunei Darussalam mempraktis Sistem Pendidikan Dwibahasa (1985-2008) dan Sistem Pendidikan Abad Ke-21 (SPN21) (2009 – sekarang), namun penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu tetap dipraktikkan dari peringkat sekolah hingga ke menara gading (Kementerian Pendidikan 2009).

Keluwesan dan Jati diri Bahasa Melayu

Dalam memajukan bangsa kita sebagai bangsa berilmu, terdapat banyak pengetahuan yang melibatkan penyerapan istilah daripada bahasa asing terutama sekali bahasa Inggeris. Apa yang dimaksudkan dengan kata-kata serapan? Kata-kata serapan ialah kata-kata yang diambil atau diserap dan disesuaikan oleh penutur-penutur sesuatu bahasa daripada sesuatu bahasa yang lain dikenali sebagai sumber. Penyerapan merupakan urutan kontak budaya antara dua komuniti bahasa. Proses penyerapan kata atau istilah merupakan fenomena universal. Ia boleh berlaku secara resiprokal antara kedua-dua bahasa namun sering berlaku salah satu bahasa lebih banyak menyerap daripada bahasa yang satu lagi (Kemmer 2011). Misalnya bahasa Melayu lebih banyak melakukan penyerapan kata-kata daripada bahasa Inggeris berbanding sebaliknya. Dalam konteks penyerapan kata atau istilah ini, komuniti bahasa sumber beroleh manfaat seperti kuasa, prestij dan sebagainya kerana penyerapan kata memberikan manfaat kepada komuniti bahasa penerima (Kemmer 2011).

Berhubung penyerapan kata, Myer-Scotton (1993) menyatakan:

'There are two types of borrowing: cultural borrowing and core borrowing. Cultural borrowing includes objects or concepts which are new to the host language culture. Cultural borrowing normally happens when two or more languages share a long cultural tradition. Cultural borrowing might have originated from 'more distinctly foreign cultures. Core borrowings are items which have equivalents in the matrix language'

Walaupun berlakunya penyerapan kata-kata asing, sama ada dari segi budaya mahupun teras, keperihalan ini tidak akan menggugat bahasa itu sendiri. Penyerapan budaya berlaku disebabkan oleh inovasi budaya dalam masyarakat penutur bahasa yang menyerap. Ini sering berlaku kepada negara-negara yang mempunyai hubungan sejarah yang begitu lama antara satu sama lain disebabkan oleh penjajahan, perniagaan, dan penghijrahan. Kemasukan budaya penjajah menyebabkan inovasi budaya tempatan dan inovasi bahasa, khususnya inventori leksikon bagi mengungkapkan konsep-konsep yang berhubung dengan objek, perbuatan, aktiviti, dan peristiwa. Kata-kata biasa yang sering kita dengar atau ungkapkan seperti *basikal*, *komputer*, *bola*, *sekolah*, *telefon* merupakan antara kata serapan budaya. Ketiadaan padanan dan konsep bahasa Melayu yang tepat bagi leksikal dalam bahasa tersebut mengakibatkan kemasukan kata serapan budaya ke dalam inventori leksikon bahasa berkenaan berlaku. Penyerapan teras adalah sebaliknya. Kata-kata yang melambangkan sesuatu konsep, objek, perbuatan, aktiviti, dan peristiwa sudah ada dalam bahasa yang menyerap namun penyerapan tetap berlaku bertujuan untuk pengayaan leksikon dan kesesuaian penggunaan kata dalam pelbagai konteks dan ini memerlukan variasi: misalnya: mutu, kualiti, gotong-royong, kerjasama, koperasi, kolaborasi dan sebagainya. Kata-kata serapan ini akan dipraktikkan dengan penyesuaian bunyi dan fitur-fitur lain bahasa yang diserap oleh komuniti bahasa yang meluas. Menurut Kemmer (2011) apabila kata-kata serapan tersebut telah sehati dan sering digunakan maka ia akan mirip seperti kata-kata natif bahasa tersebut. Ini membuktikan bahawa sesuatu bahasa itu bersifat luwes.

Pengayaan leksikon yang dilaksanakan oleh Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) melalui aktiviti penggubalan istilah bidang ilmu pada dasarnya untuk memenuhi keperluan semasa, dan menjadikan bahasa Melayu/Indonesia sebagai bahasa ilmu, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan (yang diselaraskan di kawasan geopolitik serantau), tidak pernah menggugat jati diri bahasa Melayu/Indonesia yang melambangkan jiwa bangsa kita bersama sama ada di dunia Melayu/Indonesia mahupun di peringkat antarabangsa. Ini disebabkan oleh sifat-sifat keluwesan bahasa Melayu/Indonesia itu sendiri.

Dalam konteks penerimaan pengayaan leksikon yang selari dengan keperluan memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu tetap dapat mengekalkan jati dirinya yakni tetap digunakan dan dipersepsikan sebagai bahasa Melayu bukan sebagai sesuatu bahasa yang lain. Dalam konteks yang sejajar, sifat luwes bahasa Melayu, saya definisikan juga sebagai 'sifat bahasa Melayu' yang mudah diterima oleh penutur-penutur bukan Melayu. Oleh kerana itulah, pada hari ini, kita dapati bahasa Melayu mudah dipelajari dan dikuasai oleh: (1) pelajar-pelajar bukan Melayu di kawasan geopolitik di rantau ini; dan (2) penutur-penutur bukan Melayu di serata pelosok dunia. Ini terbukti semasa Pertandingan Pidato Antarabangsa di Kuala Lumpur di mana pemicato-pemicato luar dari kawasan serantau menggunakan bahasa Melayu. Dan dalam Pertandingan Irama Melayu Antarabangsa anjuran Kementerian Kebudayaan dan Penerangan Malaysia baru-baru ini, peserta antarabangsa antaranya dari Zimbabwe, Bangladesh, Syria, Ukraine dan dari negara serumpun berupaya menyampaikan irama balada dan pop Melayu dengan baik.

Kita perlu menyedari bahawa aspek-aspek lain yang juga merupakan komponen budaya, tidak bersifat luwes sebagaimana keluwesan bahasa. Sebagai contoh, aspek kesenian seperti pakaian, nyanyian, dan tarian jika sekiranya dilambakcampurkan dengan unsur-unsur bukan-Melayu maka hilanglah jati diri kesenian Melayu itu yang menjadi warisan bangsa kita selama ini. Lagu-lagu asli misalnya apabila dicorakkan dengan rentak cha-cha atau dinyanyikan dengan 'suara *suprano*' maka

sebagai impaknya hilangnya jati diri lagu-lagu Melayu asli, tetapi tidak sedemikian dengan situasi bahasa Melayu.

Sebelum membincangkan keluwesan bahasa Melayu iaitu berelevansi dengan penggunaan leksikonnya dalam konteks binaan morfosintaksis bahasa Melayu, kita imbau dahulu sejarah yang dilalui oleh bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa. Bahasa Inggeris telah melalui era yang melibatkan penyerapan kata daripada bahasa sumber. Era-era tersebut bertembung dengan kontak budaya. Penyerapan kata bagi bahasa Inggeris telah berlaku seawal kurun Masihi iaitu dengan adanya pengaruh Norse ke dalam bahasa Inggeris. Sebagai contoh, leksikon bahasa Inggeris banyak dipengaruhi oleh leksikon bahasa Latin, seperti *'Germanic Period'*, *'Old English Period'* (600-1100), *'Middle English Period'* (1100-1500) *'Early Modern English Period'* (1500-1650) dan *'Modern English'* (1650-sekarang). Kata-kata yang diserap daripada bahasa Latin antaranya ialah *'anchor'* (*ancor*), *'butter'* (*butere*), *'kitchen'* (*cycene*) (*Germanic Period*). *'Chest'* (*cest*), *'circle'* (*circuil*), *'title'* (*tigle*) (*Old English Period*). *'abdomen'*, *'area'*, *'capsule'*, *'expensive'* (*Early Morden English*) dan sebagainya. Selain itu bahasa Inggeris juga memiliki kata-kata serapan daripada bahasa-bahasa lain seperti bahasa Greek melalui bahasa Latin contohnya *'anonymous'*, *'catastrophe'* *'tragedy'*; Sepanyol: *'marijuana'* *'armada'*, *'embargo'*, *'marijuana'*; Itali: *'balcony'*, *'casino'* *'macaroni'*; Belanda: *'cruise'*. *'dock'* *'smuggle'*; Jerman: *'hamburger'*, *'frunkfurter'* *'kindergarten'*; Sanskrit: *'yoga'*, *'karma'*; Hindi: *'bangle'*, *'maharaja'*, *'shampoo'*; Arab: *'emir'*, *'bedouuin'*, *'minerat'* dan lain-lain. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris tetap dengan jati dirinya dan tidak pernah diperlekehkan sebagai suatu bahasa yang korup dengan bahasa Latin (sehingga menjejaskan kedudukan bahasa Inggeris pada mata dunia).

Bahasa Melayu semenjak pertembungannya dengan bahasa Sanskrit banyak memperlihatkan kata-kata serapan daripada bahasa Sanskrit. Bahasa Sanskrit banyak menyumbang kepada perisian inventori leksikon bahasa Melayu dan sudah sebatian dengan jiwa kita. Antaranya: *aneka*, *asrama*, *bahagia*, *bahasa*, *beza*, *cahaya*, *guru*, *rahsia*, dan *suami*. Penyerapan kata-kata bahasa Sanskrit memang telah lama berlaku dan dipercayai sebelum adanya catatan bertulis dalam bahasa Melayu. Dari itu kata-kata serapan Sanskrit merupakan legasi pra-Islam, perbendaharaan kata bahasa Melayu. (Muhammad Abdul Jabbar Beg 1981). Walau bagaimanapun, istilah-istilah yang merupakan kata-kata serapan dari bahasa Sanskrit tidak pernah menyebabkan bahasa Melayu dipersepsikan sebagai bahasa Sanskrit. Dunia tidak pula mengatakan bahawa bahasa Melayu bukan bahasa Melayu tetapi merupakan bahasa Sanskrit atau bahasa kacukan/hibrid iaitu dengan adanya kata-kata serapan daripada bahasa-bahasa Sanskrit, seperti, Arab: *'ilmu'*, *'kalbu'*, *'tawakal'*; Parsi: *'bandar'*, *'anggur'*, *'gandum'*; Tamil: *'apam'*, *'mutu'*, *'singa'*; Portugis: *'almari'*, *'bangku'*, *'gereja'*. Setelah kedatangan Islam inventori leksikon bahasa Melayu banyak diwarnai oleh kata-kata serapan daripada bahasa Arab. Kini bahasa Melayu banyak menerima kata-kata serapan daripada bahasa Inggeris. Ini bertepatan dengan apa yang diperkatakan oleh Muhammad Abdul Jabbar beg (1983) iaitu:

'Malay is a dynamic language which borrows freely from foreign languages'

Penyerapan istilah daripada bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain tidak seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang negatif tetapi merupakan satu strategi yang positif kerana dengan melakukan penyerapan kata atau ungkapan, kita dapat memvariasikan penggunaan, semantik

dan nilai amelioratif. Namun penggunaannya harus seimbang dengan kata-kata yang sudah sedia ada agar kata-kata yang sedia ada itu tidak kecundang disebabkan peralihan kata.

Usaha-usaha Mabbim sehingga kini yang antara lainnya menyesuaikan sebutan dan ejaan bagi apa jua perkataan yang dipinjam (sebenarnya diambil) daripada bahasa Inggeris adalah sesuatu yang positif kerana artikulasi mengikut lidah Melayu/Indonesia adalah perlu. Dalam konteks inilah perkataan tersebut apabila sudah biasa digunakan tidak begitu menampakkan `nilai import`. Sebagai contoh `dos` dan `dukkh` daripada bahasa Sanskrit apabila disesuaikan dengan lidah Melayu berubah penyebutannya menjadi `dosa` dan `duka` Ini kerana majoriti kata dasar dalam bahasa Melayu memiliki dua suku kata. Suatu ketika dahulu penyesuaian sebutan kata-kata serapan berdasarkan artikulasi orang Melayu dilakukan secara natural. Usaha Mabbim dalam menyelaraskan sebutan bagi kata serapan sama ada daripada bahasa-bahasa Sanskrit, Arab, Parsi, Portugis mahupun Inggeris khususnya untuk direalisasikan dalam pelbagai bidang keilmuan adalah patut dihargai dan tidak diperlekehkan.

Tiap-tiap bahasa pada dasarnya bersifat luwes termasuk juga bahasa Melayu/Indonesia. Dari sudut linguistik khususnya dari aspek keperluan semantik, bahasa Melayu amat luwes dari aspek sistem morfosintaksisnya. Sebagai contoh penyerapan kata boleh dipelbagaikan representasi semantiknya dengan mengaplikasi proses-proses morfologi iaitu pengimbuhan umpamanya. Misalnya perkataan `asimilasi` bukan hanya disesuaikan dari segi penyebutan tetapi juga divariasikan representasi semantiknya seperti `mengasimilasi` `mengasimilasikan` `terasimilasi` dan `pengasimilasi`; `mengaplikasi`, `mengaplikasikan`, `teraplikasi`, `pengaplikasi`; Selenggara: `menyelenggara`, `menyelenggarakan`, `penyelenggara`, `penyelenggaraan` dan `penyenggaraan`. Namun dengan adanya penyerapan kata seperti ini, bahasa Melayu tetap dikenali sebagai bahasa Melayu. Keluwesan ini juga menjadikan bahasa tersebut bertambah dinamik, kompleks dan kaya khususnya dari segi inventori khazanah leksikonnya.

Bahasa merupakan salah satu komponen penting dalam budaya nonmaterial. Bahasa adalah identiti yang menjadi tunjang peradaban sesuatu bangsa. Perisian bahasa itu sendiri ada mengandungi sumber data sejarah, antropologi, psikologi, budaya dan sebagainya. Dari itu bahasa adalah jiwa bangsa. Apabila sesuatu bahasa itu mati atau pupus maka identitinya juga turut tersirna. Kepupusan atau kematian sesuatu bahasa adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kepupusan penutur, sikap bahasa yang negatif, urbanisasi dan sebagainya tetapi bukan diakibatkan oleh keluwesan bahasa itu sendiri. Sampai bila-bila pun akan dikenali sebagai bahasa Melayu.

Keluwesan bahasa Melayu juga dapat direfleksikan melalui peranan yang disandangnya. bahasa Melayu memiliki lambang jati diri sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan, bahasa ilmu, bahasa cemerlang, bahasa berkuasa, bahasa wahana politik (Awang Sariyan 2008) dan bahasa falsafah negara. Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi/bahasa kebangsaan di Brunei Darussalam, Indonesia dan di Malaysia dengan variasi nama demi identiti dan faktor tertentu negara masing-masing iaitu bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam, bahasa Indonesia di Indonesia dan bahasa Malaysia di Malaysia. Malah negara pemerhati Singapura juga memartabatkan bahasa Melayu sebagai salah satu

bahasa rasmi negara tersebut. Perkara ini termaktub dalam perlembagaan negara masing-masing. Sesebuah negara mempunyai rakyat dan penduduk yang berbilang kaum, dari itu ia memerlukan satu bahasa sebagai panduan dan milik bersama yang dikenali sebagai bahasa rasmi. Sebagai bahasa rasmi, bahasa variasi tinggi dan bahasa berprestij setentunya kecemerlangan bahasa Melayu dipraktikkan dalam konteks formal bagi mengungkapkan pelbagai bidang dan sewajarnya memerlukan keluwesan dalam penyerapan leksikon.

Negara yang berbilang kaum dan berdaulat seperti Malaysia dan Indonesia, memerlukan satu bahasa perpaduan. Bahasa Melayu/Indonesia adalah bahasa perpaduan antara pelbagai etnik dan suku. Bahasa Melayu/Indonesia berperanan sebagai bahasa ilmu. Ini boleh menjadikannya sebagai bahasa moden dan berupaya menjadi asas terhadap pembinaan negara bangsa yang maju lagi. Setiap bangsa mahukan bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi mereka berfungsi dengan cemerlang selaras dengan perkembangan bangsanya. Kecemerlangan dan pemartaban bahasa Melayu/Indonesia di peringkat antarabangsa juga memerlukan keluwesan bahasa dalam beberapa aspek linguistik khususnya leksikon. Penggunaan bahasa Melayu/Indonesia dalam bidang politik boleh menjadikannya sebagai bahasa berkuasa, berkualiti dan berketramplilan. Keluwesan bahasa Melayu/Indonesia akan bertambah meningkat apabila ia juga digunakan oleh golongan profesional, mahasiswa, sektor awam dan sektor swasta. Ini akan menghasilkan pelbagai jargon dan laras yang lazimnya ditandai oleh aspek leksikon yang sebahagian besarnya merupakan kata serapan yang berhubung kait dengan kerjaya, bidang dan topik.

Aktiviti Pengantarabangsaan Bahasa Melayu

Berdasarkan kepada situasi bahawa keluwesan bahasa Melayu adalah meliputi sifat-sifat mudahnya bahasa Melayu dipelajari dan digunakan dicadangkan agar pihak Mabbim menganjurkan beberapa aktiviti dalam mengetengahkan bahasa Melayu di peringkat serantau dan antarabangsa. Misalnya menganjurkan pertandingan pidato, syarahan, debat, forum, ceramah dan bercakap spontan dalam bahasa Melayu di peringkat serantau bersekali dengan peringkat antarabangsa. Ia boleh meliputi pelbagai bidang, jargon dan laras sesuai dengan keadaan bahasa Melayu yang bersifat luwes dan berupaya mengungkapkan pelbagai ilmu, disiplin dan bidang. Di samping aktiviti verbal Mabbim juga boleh mengadakan pertandingan penggunaan bahasa Melayu dalam blog, laman web, facebook dan sebagainya. Menulis atau menterjemahkan rencana, artikel ke dalam bahasa Melayu di peringkat serantau dan antarabangsa. Dalam konteks ini terserlahlah secara langsung atau tidak langsung penggunaan istilah-istilah tertentu yang diperkenalkan oleh Mabbim iaitu dengan sebutan-sebutan yang betul dan juga dalam binaan morfologi dan binaan sintaksis yang tepat. Selain itu Mabbim dengan kerjasama Kementerian Pendidikan boleh menaja pelajar antarabangsa untuk mengikuti program bahasa Melayu atau pengajian Melayu di universiti-universiti tempatan. Ataupun mewujudkan pengajian Melayu di universiti-universiti luar di peringkat serantau dan antarabangsa terutama sekali di tempat-tempat belum ada pengajian Melayu.

Kesimpulan

Pada hemat saya, keluwesan bahasa Melayu tidak akan menjejaskan jati diri bahasa Melayu dan masyarakat Melayu seperti juga jati diri bahasa Inggeris tidak terjejas kerana menyerap kata daripada bahasa Latin.. Sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu, mahu tidak mahu bahasa Melayu perlu membakukan kata-kata yang diperlukan, terutama sekali dari bahasa Inggeris. Usaha Mabbim dalam menyelaraskan penyebutan kata-kata serapan adalah positif dan tidak wajar diperlekehkan.

Berdasarkan kepada situasi, keluwesan bahasa Melayu meliputi sifat-sifat mudahnya bahasa tersebut dipelajari dan digunakan. Dicadangkan agar Mabbim mempergiatkan aktiviti kebahasaan seperti syarahan, pidato, forum, bercakap spontan dan sebagainya di peringkat serantau, dan antarabangsa. Dengan demikian, istilah-istilah yang digubal dapat diperkenalkan oleh Mabbim dengan sebutan yang betul, dan binaan morfologi dan sintaksis yang tepat.

Bibliografi

- Awang Sariyan (2008). Peranan Bahasa Melayu. Retrieved on 18th October 2011 from http://cari-carilah.blogspot.com2009/03/peranan_bahasa_melayu.html
- Casparis.,J.G.de (2011). Loan Words in Indonesian and Malay Languages.Retrieved on29th September 2011 from http://www.kitlv.nl/pdf_documents/asia-loan.pdf.
- _____. (1997). Sanskrit Loan-words in Indonesian: An Annotated Check-List of Words from Sanskrit in Indonesian and Traditional Malay. Retrieved on 3rd October 2011 from <http://crcl.th.net/indic/imbyskt.html>.
- Duranti, Alessandro (1997). *Linguistics Anthropology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fatimah, Haji Awang Chuchu, Dayang (2007). *Code-switching in a Multilingual Environment*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fatimah Haji Awang Chuchu & Soepomo Poedjosoedarmo. (1995). Triglossia among the People of Brunei. *Purih*. Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam
- Hsia, Heah Lee, Carmel. (1989). *The Influence of English on the Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemmer, S. (2011). Loanwords: Major Periods of Borrowing in the History of English. Retrieved on 18th October 2011 from <http://www.Press.ruf.rice.edu/~Kemmer/Words/loanwords.html>
- Kementerian Pendidikan (2009). *Sistem Pendidikan Abad Ke-21 (SPN21)*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan

Kennedy, Paul. (1989). *The Rise and Fall of the Great Powers: Economic Change and Military Conflict 1500-2000*. London: Fontana Press.

Levi-Strauss (1963). *Structural Anthropology*. Boston: Beacon Press.

Muhammad Abdul Jabbar Beg. (1981). *Indo-Sanskrit Loan-words in Malay*. Kuala Lumpur: Champion Printers.

_____ (1983). *Arabic Loan-words in Malay*. Kuala Lumpur: The University of Malaya

Myer-Scotton, Carol. (1993). *Duelling Languages: Searching for Grammatical Structures in Code-switching*. Oxford: Oxford University Press.

Surah al-Fatir (35): 28

Wan Mohd Nor, Wan Daud. (2011). Budaya Ilmu Sebagai Asas Oembangunan Tamadun. Retrieved on 10th October 2011 from http://i-epistemology.net/attachments/1127_ip-y3n1-budaya_ilmu_sebagai_asas_Pembangunan_Tamadun_Wan_Mohd_Nor_Wan_Daud.pdf